

Kesan Dan Cabaran Beban Tugas Dalam Kalangan Guru Sekolah Berasrama Penuh (SBP) (Effects and Challenges of Workload Among Teachers in Fully Residential Schools (SBP))

Muhammad Haniff Syauqi Abdullah^{1*}, Nurulhuda Md Hassan¹

¹ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

*Pengarang Koresponden: haniffsyauqi@gmail.com

Received: 1 July 2024 | Accepted: 15 August 2024 | Published: 1 September 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.3.3>

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk meneroka persepsi guru terhadap kesan dan cabaran beban tugas di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif menggunakan kaedah temu bual. Analisis data dilakukan menggunakan perisian ATLAS.ti untuk mengenal pasti tema-tema utama berkaitan kesan dan cabaran beban tugas guru. Keseluruhan hasil kajian mendapati bahawa beban tugas yang berlebihan memberi kesan negatif terhadap kualiti pengajaran dan juga keadaan emosi, fizikal dan sosial seseorang guru. Malah, kekurangan sumber dan sokongan serta harapan tinggi dari pelbagai pihak dikenal pasti sebagai cabaran utama yang menambah beban tugas guru.

Kata kunci: beban tugas, persepsi guru, kesan, cabaran, Sekolah Berasrama Penuh (SBP)

Abstract: This study aims to explore teachers' perceptions of the effects and challenges of workload in Fully Residential School (SBP) in Malaysia. The study employs a qualitative research approach using interview methods. Data analysis was conducted using ATLAS.ti software to identify key themes related to the effects and challenges of teachers' workload. The overall findings of the study reveal that excessive workload negatively impacts the quality of teaching as well as the emotional, physical, and social well-being of teachers. Furthermore, a lack of resources and support, along with high expectations from various stakeholders, were identified as major challenges that exacerbate teachers' workload.

Keywords: workload, teacher perception, effects, challenges, Fully Residential School (SBP)

1. Pendahuluan

Sekolah Berasrama Penuh (SBP) bukan sekadar sebuah institusi pendidikan biasa di mana ia adalah tempat di mana potensi murid digilap hingga bersinar dalam aspek akademik dan sahsiah. Objektif utama penubuhan SBP dilihat salah satunya untuk menawarkan dan menyediakan suasana persekolahan yang terancang serta kondusif bagi mengembangkan potensi murid-murid cemerlang (Ahmad, 2009). Malah, SBP juga memainkan peranan yang penting dalam melahirkan modal insan berkualiti yang mampu menghadapi cabaran global, serta menyediakan peluang pendidikan yang setara kepada semua lapisan masyarakat, khususnya murid dari luar bandar dan murid bumiputera.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, SBP berdiri sebagai mercu tanda yang memupuk generasi masa depan yang sentiasa mementingkan konsep berdaya saing dan beretika. Hal ini kerana SBP dilihat berbeza daripada sekolah-sekolah lain terutamanya dalam aspek persekitaran pembelajaran yang lebih terkawal dan berfokus. Murid SBP juga akan tinggal di asrama yang disediakan di mana membolehkan mereka menjalani kehidupan harian dengan pengawasan rapi, serta terlibat dalam aktiviti kokurikulum dan program pengayaan akademik yang intensif. Malah, murid SBP dipilih melalui proses saringan ketat yang mengambil kira pencapaian akademik dan kokurikulum. Hal ini untuk memastikan mereka yang diterima adalah murid-murid cemerlang dan berpotensi tinggi. Disiplin yang lebih ketat dan jadual harian yang padat juga membentuk suasana pembelajaran yang kondusif, menjadikan SBP sebagai pilihan utama bagi murid yang ingin mencapai kecemerlangan dalam akademik dan pembangunan sahsiah (Norlia & Mastura, 2020).

Bahkan, guru-guru di SBP memainkan peranan yang sangat kritikal dalam mencapai matlamat ini. Mereka juga bukan hanya bertanggungjawab dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, bahkan juga dalam pengurusan asrama, aktiviti kokurikulum, dan pelbagai tugas pentadbiran. Guru-guru ini adalah tonggak utama yang akan menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran sentiasa berada pada aras tertinggi, dengan menggunakan pelbagai pendekatan inovatif yang menarik minat murid serta memenuhi keperluan pendidikan abad ke-21 (Maliki & Mohd Nizam, 2022). Namun begitu, beban tugas yang berlebihan dan pelbagai tanggungjawab tambahan boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk mencapai objektif pengajaran. Justeru, memahami persepsi guru terhadap kesan dan cabaran beban tugas adalah penting untuk memastikan kesejahteraan dan keberkesanan mereka dalam melaksanakan tugas khususnya guru-guru di SBP.

2. Pernyataan Masalah

Guru-guru khususnya di SBP sering kali menghadapi beban tugas yang berlebihan dan pelbagai, yang boleh memberi kesan negatif terhadap prestasi mereka serta pencapaian murid. Beban tugas ini merangkumi tanggungjawab pengajaran, penglibatan dalam aktiviti kokurikulum, pengurusan asrama, serta pelbagai tugas pentadbiran lain. Kewajipan ini, apabila digabungkan, boleh menimbulkan tekanan dan mengurangkan motivasi guru, yang seterusnya boleh menjejaskan kualiti pendidikan yang diberikan kepada murid. Pelbagai kajian telah menunjukkan bahawa beban tugas yang berlebihan boleh mengakibatkan tekanan kerja, keletihan, dan *burnout* dalam kalangan guru (Sunny et al., 2024; Junaidi et al., 2023; Ahmad et al., 2022). Keadaan ini boleh membawa kepada penurunan produktiviti, peningkatan kadar ketidakhadiran, dan bahkan peningkatan kadar pertukaran kerja dalam kalangan guru (Junaidah, 2021).

Secara umum, murid-murid yang memasuki SBP akan berusaha menyesuaikan kehidupan asrama yang memerlukan mereka untuk beradaptasi dengan rutin harian yang berbeza dari sekolah biasa. Hal ini kerana mereka diwajibkan untuk tinggal di asrama di samping membolehkan mereka mengikuti jadual pengajian yang lebih teratur dan intensif, serta memupuk disiplin dan tumpuan yang lebih baik dalam pembelajaran. Maka, cabaran ini mungkin lebih ketara kepada guru-guru memandangkan mereka juga perlu menguruskan murid-murid yang tinggal di asrama ini di mana ia memerlukan perhatian dan pengawasan tambahan. Mereka perlu memastikan murid mematuhi peraturan dan menjalani rutin harian yang teratur, termasuk memastikan kebajikan murid terjaga, menyelesaikan masalah disiplin, dan mengadakan aktiviti yang dapat mengembangkan sahsiah murid (Ahmad & Rahman, 2020). Tugas-tugas ini memerlukan komitmen yang tinggi dan sering kali melibatkan masa di

luar waktu kerja biasa, yang boleh menambah beban kerja dan mengurangkan masa peribadi guru. Tambahan lagi, guru-guru SBP juga berperanan sebagai mentor dan penasihat kepada murid serta membantu mereka menghadapi cabaran peribadi dan akademik yang mereka alami (Cappe et al., 2021). Mereka juga perlu sentiasa bersedia sedia untuk mengatasi sebarang masalah yang muncul, seperti isu kesihatan, kecemasan, atau konflik antara murid. Semua ini memerlukan dedikasi yang tinggi dan kepakaran dalam pelbagai bidang, termasuk pengurusan, kaunseling, dan sokongan emosi.

Terdapat juga cabaran lain yang dialami oleh para guru di SBP, seperti kekurangan sumber dan sokongan yang mencukupi serta tekanan bagi mencapai standard akademik yang tinggi. Beban kerja yang berlebihan ini boleh mengurangkan masa yang tersedia untuk persediaan pengajaran dan pembangunan profesional, yang akhirnya boleh menjejaskan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (Al Ayubi et al., 2021). Guru-guru di SBP sering kali terpaksa menangani pelbagai cabaran yang datang dengan tanggungjawab tambahan ini, termasuk tekanan dari pihak pentadbiran sekolah dan ibu bapa yang mempunyai harapan tinggi terhadap pencapaian murid. Harapan tinggi ini menambah tekanan kepada guru-guru untuk memastikan setiap murid mencapai prestasi yang unggul, bukan hanya dalam bidang akademik malahan juga dalam aktiviti kokurikulum (Bushra, 2023).

Kekurangan sumber dan sokongan seperti peralatan teknologi, bahan bantu mengajar, dan latihan profesional yang mencukupi, menambah cabaran yang dihadapi oleh guru-guru di SBP. Kekurangan ini memaksa guru untuk mencari alternatif sendiri, yang boleh memakan masa dan tenaga. Dalam sesetengah kes, guru mungkin perlu mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk menyediakan bahan pengajaran yang diperlukan, yang menambah lagi beban kewangan (Maile, 2022). Malah, kekurangan peralatan teknologi di sekolah seperti komputer, projektor, dan akses internet yang stabil, menyukarkan guru untuk melaksanakan pengajaran yang interaktif dan menarik minat murid. Selain itu, kekurangan bahan bantu mengajar seperti buku teks yang mencukupi, alat peraga, dan sumber rujukan terkini juga menyulitkan guru dalam menyediakan pengajaran yang berkualiti (Martínez et al., 2020).

Oleh itu, adalah penting untuk menjalankan kajian yang mendalam bagi memahami persepsi guru terhadap kesan dan cabaran beban tugas di SBP. Maka, dua objektif kajian adalah (i) meneroka kesan beban tugas dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh (SBP), (ii) meneroka cabaran beban tugas yang dihadapi dalam kalangan guru di Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Secara tidak langsung dengan memahami cabaran dan kesan yang dialami oleh guru-guru ini juga berupaya mengerakkan jentera yang berkaitan iaitu pihak pentadbiran sekolah dan pembuat dasar dalam mengambil langkah-langkah yang sesuai, sekaligus membantu meningkatkan kesejahteraan guru dan kualiti pendidikan di SBP (Ahmad & Rahman, 2020).

3. Tinjauan Literatur

Beban tugas guru merujuk kepada jumlah kerja, tanggungjawab dan amanah yang harus diuruskan oleh guru dalam melaksanakan tugas mereka. Menurut Smith dan Bourke (1992), beban tugas guru merangkumi tugas pengajaran, persediaan bahan pengajaran, penilaian murid, aktiviti kokurikulum, serta tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan. Di SBP, guru juga terlibat dalam pengurusan asrama yang menambah kepada beban tugas mereka. Beban tugas ini sering kali melibatkan pelbagai peranan yang perlu dimainkan oleh guru, termasuk sebagai pengurus kelas, mentor, dan penyelia kegiatan kokurikulum (Mokhtar et al., 2021). Menurut Mohamed et al. (2022), beban tugas juga merangkumi penyediaan laporan berkala, penglibatan

dalam mesyuarat, serta menghadiri latihan dan bengkel profesional. Selain itu, guru juga perlu mengurus hubungan dengan ibu bapa dan komuniti, yang boleh menambah lagi kepada tekanan dan beban kerja mereka.

Secara tidak langsung, beban tugas yang berlebihan boleh menyebabkan tekanan kerja yang tinggi dan mengurangkan keberkesanan pengajaran. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan di daerah Chris Hani di Afrika Selatan menunjukkan bahawa beban kerja yang berlebihan menyebabkan tekanan di kalangan guru, menghalang mereka daripada menyelesaikan sukatan murid tepat pada waktunya dan memberi kesan negatif terhadap metakognisi murid dan kecemerlangan akademik (Joe & Mtsi, 2024). Begitu juga, satu kajian di Lahore, Pakistan, menunjukkan bahawa beban kerja yang berat menyebabkan tekanan, keletihan, dan penurunan penglibatan di kalangan guru, yang seterusnya memberi kesan negatif kepada hasil pembelajaran murid dan pencapaian akademik (Kanwal et al., 2023).

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, isu yang melibatkan beban tugas seseorang guru adalah penting kerana ia secara langsung mempengaruhi mutu pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di sekolah. Kajian oleh Zulkifli et al. (2022) mendapati guru di Malaysia mengalami tahap tekanan yang tinggi disebabkan oleh tuntutan kerja yang melebihi kemampuan mereka. Beban tugas yang tinggi ini termasuk persediaan bahan pengajaran, penilaian murid, penglibatan dalam aktiviti kokurikulum, serta tanggungjawab pentadbiran yang membebankan. Dalam kajian ini, dapatan kajiannya menunjukkan bahawa terdapat 68% guru melaporkan mengalami tekanan kerja yang kritikal di mana ia membawa kepada masalah kesihatan mental seperti kemurungan dan kebimbangan.

Tekanan kerja yang tinggi juga berupaya memberi kesan kepada keseimbangan kerja kehidupan seseorang guru. Menurut kajian oleh Mokhtar et al. (2021), guru di Malaysia kerap kali mendepani cabaran dalam mengimbangi tanggungjawab profesional dan peribadi. Guru yang terpaksa bekerja lebih masa untuk menyiapkan tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan asrama sering kali mengorbankan masa bersama keluarga dan untuk diri sendiri, yang seterusnya menjejaskan kesejahteraan mereka secara keseluruhan. Keadaan ini diperburukkan lagi dengan kurangnya sokongan dari pihak pentadbiran sekolah dan kekangan sumber yang tersedia.

Selain itu, beban kerja yang tinggi juga boleh menyebabkan penurunan dalam kualiti pengajaran. Kajian oleh Lee et al. (2023) membuktikan di mana guru yang mengalami tekanan kerja yang tinggi cenderung untuk menunjukkan prestasi yang rendah dalam pengajaran, termasuk kurangnya kreativiti dalam penyampaian murid dan kurangnya interaksi yang bermakna dengan murid. Ini boleh menjejaskan pengalaman pembelajaran murid dan akhirnya menjejaskan pencapaian akademik mereka. Di SBP, guru yang terbeban dengan tanggungjawab pengurusan asrama dan aktiviti kokurikulum mungkin tidak mempunyai masa yang mencukupi bagi menyediakan bahan pengajaran yang berkualiti atau untuk memberi perhatian individu kepada murid yang memerlukan.

Kajian oleh Nor et al. (2022) juga menekankan bahawa tekanan kerja yang berterusan boleh menyebabkan masalah kesihatan fizikal seperti keletihan kronik, sakit kepala, dan masalah tidur. Guru yang mengalami masalah kesihatan ini cenderung untuk mengambil cuti sakit yang lebih kerap, yang seterusnya menjejaskan kelancaran operasi sekolah dan kualiti pengajaran. Di SBP, beban kerja yang tinggi dan tekanan yang berpanjangan boleh menyebabkan guru-guru merasa tidak berdaya dan kurang motivasi untuk terus berkhidmat dalam profesion ini.

Tambahan pula, dalam konteks kajian ini, cabaran beban tugas merujuk kepada halangan-halangan yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan tugas mereka. Kajian oleh Kartika et al. (2024) mendapati bahawa kekurangan sumber, sokongan pentadbiran yang tidak mencukupi, dan peraturan birokrasi yang ketat merupakan antara cabaran utama yang dihadapi oleh guru. Begitu juga di SBP bahawa kekurangan bahan pengajaran, alat bantu mengajar, dan kemudahan asas sering kali menjadi cabaran utama. Menurut kajian oleh Rahman et al. (2022), masalah ini tidak hanya menjejaskan keberkesanan pengajaran tetapi juga membebankan guru dari segi masa dan kewangan, kerana mereka terpaksa menggunakan sumber peribadi untuk menampung kekurangan ini.

4. Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif bagi meneliti secara mendalam mengenai persepsi guru terhadap kesan dan cabaran beban tugas di SBP. Salah satu justifikasinya ialah kajian kualitatif dapat membantu memperoleh data yang lebih terperinci dan mendalam mengenai kesan dan cabaran yang dialami oleh guru khususnya guru-guru di SBP. Dalam kajian berbentuk kualitatif, jumlah sampel kajian adalah sedikit serta dipilih dengan tujuan bagi mendapatkan maklumat yang kaya dan tebal (Creswell, 2003). Maka, pemilihan sampel bagi kajian ini adalah menggunakan kaedah pensampelan bertujuan di mana melibatkan empat informan dalam kalangan guru di sebuah SBP yang terdiri daripada dua orang guru lelaki dan dua orang guru perempuan. Berikut merupakan profil sampel kajian (SK) yang dipilih (Jadual 1) dan terdapat dua kriteria pemilihan sampel kajian iaitu:

1. Guru yang mengajar di Sekolah Berasrama Penuh (SBP).
2. Guru yang dipilih mengalami kesan dan cabaran kepada beban tugas.

Jadual 1 : Profil sampel kajian

Kategori	Sampel Kajian			
	SK1	SK2	SK3	SK4
Jantina	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Umur	31	45	41	33
Pengalaman	7 tahun	19 tahun	14 tahun	4 tahun

Lokasi kajian yang dipilih oleh pengkaji bagi melaksanakan kajian ini adalah di SBP yang terletak di salah sebuah negeri di Semenanjung di mana populasi dan sampel yang dikaji menepati objektif kajian ini. Malah, teknik temu bual separa berstruktur merupakan pilihan pengkaji bagi kaedah pelaksanaan kajian ini. Sesi temu bual pula dijalankan melalui perisian *google meet* di kediaman rumah masing-masing. Seterusnya, semua data yang dikumpul dengan menggunakan instrumen yang dipilih akan diproses dan dianalisis menggunakan kaedah pengkodan sistem ATLAS.ti.

5. Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat tema utama yang menunjukkan kesan beban tugas yang dihadapi oleh guru. Contoh kenyataan temu bual yang diberikan oleh informan mengenai setiap tema adalah seperti berikut:

Kesan kepada fizikal

Beban tugas yang tinggi boleh memberi kesan negatif kepada fizikal guru, termasuk keletihan yang berpanjangan, dan gangguan tidur. Tugas yang memerlukan berdiri atau bergerak sepanjang hari juga boleh meningkatkan risiko penyakit dan menjejaskan kesejahteraan keseluruhan guru. Contoh kenyataan temu bual yang diberikan oleh informan adalah seperti berikut:

“.....Kadang-kadang, saya terpaksa mengajar dalam keadaan yang sangat letih kerana tugas-tugas tambahan yang perlu diselesaikan.....”

(SK1)

“.....Beban tugas yang banyak membuatkan saya sering kali sukar tidur pada waktu malam. Saya sering memikirkan kerja yang belum disiapkan dan ini memberi kesan kepada kesihatan fizikal saya.....”

(SK2)

Kesan kepada emosi

Beban tugas yang berat berupaya untuk memberi kesan yang mendalam terhadap emosi guru di mana menyebabkan mereka berasa tertekan, kurang bersabar, dan mudah merasa marah. Kesan emosi ini juga secara tidak langsung bukan sahaja mempengaruhi kesejahteraan mental guru tetapi juga hubungan mereka dengan orang sekeliling terutama murid dan rakan sekerja. Contoh kenyataan temu bual yang diberikan oleh informan adalah seperti berikut:

“.....Selepas mengajar, saya masih perlu menguruskan hal-hal pentadbiran dan aktiviti kokurikulum. Keadaan ini membuatkan saya merasa sangat tertekan.....”

(SK1)

“.....Keadaan beban kerja yang tinggi sebenarnya menjejaskan emosi saya, membuatkan saya mudah marah dan kurang sabar, terutama sekali apabila berhadapan dengan murid.....”

(SK3)

Kesan kepada sosial

Beban tugas yang berlebihan boleh memberi kesan negatif terhadap kehidupan sosial guru, menyebabkan mereka kurang masa untuk meluangkan bersama keluarga dan rakan-rakan. Tekanan untuk memenuhi keperluan kerja yang banyak sering kali membuatkan guru terpaksa mengorbankan masa peribadi, mengurangkan peluang untuk bersosial dan berhubung dengan orang lain di luar waktu kerja. Contoh kenyataan temu bual yang diberikan oleh informan adalah seperti berikut:

“.....Tugas yang banyak ini membuatkan saya tidak mempunyai masa nak berehat atau meluangkan masa yang banyak dengan keluarga.....”

(SK2)

“.....Dengan lambakan beban tugas, saya sejujurnya sukar nak dapat masa yang secukupnya kepada anak saya, samalah susah nak lepak jumpa kawan kawan“.....”

(SK4)

Kesan kepada kualiti pengajaran

Beban tugas yang tinggi dapat mengakibatkan penurunan dalam kualiti pengajaran, di mana guru-guru tidak mempunyai masa yang mencukupi dalam menyediakan bahan pengajaran yang baik, memberi perhatian individu kepada murid, dan menjalankan sesi pengajaran yang interaktif dan tersusun. Contoh kenyataan temu bual yang diberikan oleh informan adalah seperti berikut:

“.....Kerana terlalu banyak tugas tambahan, saya rasa memang tak cukup masa nak sediakan bahan pengajaran yang berkualiti. Itu yang menyebabkan saya hanya menggunakan bahan yang sama berulang kali tanpa sebarang penambahbaikan”.....

(SK3)

“.....Dengan beban tugas yang banyak, saya sejujurnya sukar nak memberi perhatian yang secukupnya kepada anak murid saya. Itu yang sepatutnya anak murid saya yang memerlukan bimbingan tambahan terlepas pandang, dan prestasi mereka mungkin terjejas.....”

(SK4)

Seterusnya, dapatan kajian bagi cabaran beban tugas dalam kalangan guru pula menunjukkan terdapat dua tema utama. Contoh kenyataan temu bual yang diberikan oleh informan mengenai setiap tema adalah seperti berikut:

Kekurangan sumber dan bahan pengajaran yang mencukupi

Melalui dapatan temu bual ini, penyelidik mendapati bahawa kekurangan sumber dan bahan pengajaran yang mencukupi menjadi cabaran utama bagi guru-guru di SBP, sekaligus menghalang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Contoh kenyataan temu bual yang diberikan oleh informan adalah seperti berikut:

“.....Di sini kami sering kekurangan komputer dan projektor untuk digunakan dalam kelas. Kadang-kadang terpaksa bergilir-gilir dengan guru lain, dan ini menyukarkan proses pengajaran.....”

(SK1)

“.....Buku rujukan yang ada di perpustakaan sekolah sudah ketinggalan zaman dan tidak mencukupi untuk semua murid. Kami terpaksa mencari bahan tambahan sendiri yang memerlukan kos dan masa yang lebih.....”

(SK2)

“.....Alat bantu mengajar seperti model sains dan bahan eksperimen sangat sangat terhad. Ini lagi menyukarkan saya untuk buat aktiviti praktikal yang sepatutnya boleh membantu anak murid saya memahami sesebuah konsep dengan lebih baik.....”

(SK3)

“.....Memang sering kali kami di sini kekurangan alat tulis dan bahan-bahan asas untuk kelas seni. Sehingga saya terpaksa menggunakan bahan sendiri ataupun meminta murid membawa bahan dari rumah, yang kadang-kadang memang tidak mencukupi untuk semua orang.....”

(SK4)

Harapan tinggi dari pelbagai pihak

Selain itu, harapan yang tinggi dari pentadbiran sekolah, ibu bapa, dan murid sendiri menjadi cabaran utama bagi guru-guru di SBP, malah menambah beban tugas dan tekanan yang mereka hadapi. Contoh kenyataan temu bual yang diberikan oleh informan adalah seperti berikut:

“.....Pihak pentadbiran sekolah sering menuntut pencapaian akademik yang tinggi dari murid, dan ini memberi tekanan kepada kami untuk memastikan setiap murid mencapai tahap yang ditetapkan.....”

(SK1)

“.....Ibu bapa selalu mengharapkan anak-anak mereka mendapat keputusan cemerlang. Hampir hari-hari lah bertanya tentang kemajuan anak-anak mereka, kemudian dalam masa yang sama berharap kami dapat memberikan perhatian khusus kepada setiap anak mereka.....”

(SK2)

“.....Murid sendiri mempunyai harapan yang tinggi terhadap guru untuk membantu mereka mencapai keputusan terbaik. Kadang-kadang, saya merasa tertekan kerana tidak dapat memenuhi semua harapan mereka dalam masa yang singkat.....”

(SK3)

“.....Selain akademik, kami juga diminta untuk memastikan murid berjaya dalam bidang kokurikulum dan sukan. Harapan yang tinggi dari semua pihak ini sejajurnya memang membuatkan kami merasa terbeban dan tertekan.....”

(SK4)

6. Perbincangan

Berdasarkan hasil dapatan, beban tugas ini memberi pelbagai kesan kepada seseorang individu terutama dari perspektif fizikal, emosi dan sosial mereka. Dapatan ini disokong oleh Sokal et al. (2020) di mana keletihan dan kecenderungan terhadap *burnout* menjadi masalah serius yang bukan sahaja mengurangkan motivasi mereka tetapi juga boleh menjejaskan kesejahteraan keseluruhan. Tambahan pula, SBP ini terkenal dengan prestasi akademik yang tinggi yang juga boleh menyebabkan guru merasa tekanan untuk memastikan murid mencapai pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan, di samping tanggungjawab besar dalam pengurusan asrama dan program pembangunan murid secara menyeluruh. Situasi ini menunjukkan bahawa bebanan tugas guru di SBP dilihat lebih kompleks dan intensif. Seterusnya, mereka bersetuju dan merasakan bahawa beban tugas yang berlebihan sering menyebabkan penurunan dalam kualiti pengajaran. Hal ini disokong melalui dapatan kajian oleh Collie (2021) dengan menyatakan bahawa kesan beban tugas ini menyebabkan mereka mempunyai kekangan masa yang tidak mencukupi untuk menyediakan bahan pengajaran yang berkualiti tinggi atau memberikan perhatian yang secukupnya kepada murid-murid, sekaligus boleh mengakibatkan prestasi akademik murid terjejas.

Selain itu, terdapat dua cabaran utama yang memberi sumbangan besar kepada beban tugas dalam kalangan guru di SBP di mana keempat-empat informan ini berkongsi dan bersetuju bahawa mereka sering kali berdepan dengan masalah kekurangan sumber dan bahan pengajaran yang mencukupi. Kekurangan ini boleh merangkumi peralatan teknologi seperti komputer dan projektor, bahan bantu mengajar seperti buku rujukan, serta alat tulis dan bahan

eksperimen untuk mata muridan sains. Hasil kajian ini juga disokong oleh Ansley et al. (2021) dengan menyatakan bahawa tanpa sumber yang mencukupi, guru mungkin terpaksa menggunakan bahan yang tidak sepenuhnya memadai, yang boleh mengurangkan keberkesanan pengajaran dan menghambat kreativiti mereka dalam merancang aktiviti pembelajaran. Kekurangan ini juga boleh menyebabkan guru terpaksa mengeluarkan kos sendiri untuk menyediakan bahan pengajaran tambahan, yang menambah beban kewangan dan tekanan kerja mereka.

Seterusnya, cabaran yang dialami oleh guru-guru di SBP adalah disebabkan oleh harapan tinggi dari pelbagai pihak. Guru di SBP sering kali menghadapi tekanan akibat harapan yang tinggi termasuk pentadbiran sekolah, ibu bapa, dan murid sendiri. Hal ini turut dipersetujui oleh kajian daripada Md Shah et al. (2024) di mana sekolah berprestasi tinggi seperti SBP mempunyai reputasi untuk mengekalkan standard akademik yang cemerlang, dan guru-guru diharapkan untuk memastikan murid mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Bahkan, ibu bapa juga sering kali meletakkan harapan yang tinggi terhadap prestasi anak-anak mereka, dan ini menambah lagi tekanan kepada guru untuk memberikan perhatian individu kepada setiap murid. Harapan yang tinggi ini boleh menyebabkan guru merasa terbeban dan tertekan, yang akhirnya boleh menjejaskan kesejahteraan emosi dan mental mereka.

Oleh itu, hasil dapatan ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan khususnya barisan pentadbir dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memainkan peranan dan tanggungjawab bagi mengurangkan beban tugas guru khususnya di SBP. Malah, kajian ini memberikan implikasi yang menunjukkan keperluan KPM mengkaji semula keperluan dokumentasi untuk guru, dengan mengurangkan keperluan laporan yang tidak penting dan mempermudah proses pentadbiran. Malah, KPM juga boleh mengambil lebih ramai guru untuk mengurangkan nisbah murid kepada guru bagi membolehkan pembahagian tugas yang lebih seimbang. Tambahan pula, pihak pentadbir sekolah juga boleh menyusun semula jadual tugas untuk memastikan beban kerja diagihkan dengan lebih adil supaya tugas pentadbiran yang tidak berkaitan dengan pengajaran dapat dikurangkan. Secara tidak langsung, kesan psikologi guru yang terhasil daripada aspek fizikal, emosi dan sosial dapat diminimumkan, seterusnya akan meningkatkan kesejahteraan mereka serta membolehkan mereka memberikan tumpuan penuh terhadap pengajaran, sekali gus meningkatkan kualiti pendidikan yang diterima oleh murid-murid di SBP.

Selanjutnya, KPM boleh memastikan setiap sekolah khususnya SBP dilengkapi dengan sumber pengajaran yang mencukupi seperti komputer, projektor, buku rujukan, dan bahan eksperimen melalui peruntukan dana khusus untuk sekolah. Begitu juga dengan pentabir sekolah di mana mereka boleh menjalin kerjasama dengan komuniti dan sektor swasta untuk mendapatkan sumbangan bahan pengajaran atau peralatan teknologi yang diperlukan. Lain pada itu, KPM juga boleh membantu menguruskan harapan tinggi melalui program pendidikan kesedaran untuk ibu bapa mengenai peranan mereka dalam pendidikan anak-anak dan pentingnya kesejahteraan guru dalam proses pembelajaran. Situasi ini akan membantu mengurangkan tekanan terhadap guru dan mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih positif. Malah, pentadbir sekolah juga boleh mewujudkan dialog terbuka dengan ibu bapa dan komuniti untuk menguruskan harapan yang realistik terhadap prestasi akademik murid. Usaha ini boleh dilakukan melalui pertemuan berkala dengan ibu bapa, bengkel pendidikan, dan penyebaran maklumat yang jelas tentang objektif pendidikan sekolah.

Keputusan kajian membawa kepada cadangan dalam kajian lanjutan pada masa hadapan di mana penyelidik akan datang boleh melaksanakan kajian yang sama dengan membuat

perbandingan di antara guru-guru di sekolah selain SBP iaitu sekolah berprestasi tinggi, sekolah agama, sekolah sukan, sekolah seni, sekolah harian dan sebagainya. Hal ini kerana konteks jurang beban tugas, cabaran, dan tekanan yang dihadapi oleh guru-guru di pelbagai jenis sekolah mungkin berbeza, dan perbandingan ini dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai kesan dan cabaran beban tugas dalam pelbagai persekitaran pendidikan. Situasi ini juga akan membolehkan penyelidik memahami faktor-faktor unik yang mempengaruhi kesejahteraan guru di setiap jenis sekolah, seterusnya membantu dalam merangka intervensi yang lebih tepat dan berkesan.

7. Kesimpulan

Beban tugas guru ini telah memberi pelbagai kesan dan cabaran bagi kesejahteraan fizikal, emosi, dan sosial mereka, yang akhirnya mempengaruhi kualiti pengajaran serta prestasi murid. Oleh itu, perhatian dan tindakan segera daripada pihak-pihak berkaitan seperti KPM, pentadbir sekolah, dan ibu bapa adalah penting untuk mengurangkan beban ini dalam memastikan persekitaran kerja yang lebih seimbang, dan memelihara kesejahteraan guru demi keberkesanan pendidikan secara keseluruhan.

Penghargaan

Penyelidikan ini disokong dan juga merupakan sebahagian daripada penyelidikan di bawah geran Fundamental Research Grant Scheme, Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia [FRGS/1/2021/SSI0/UPSI/02/29] yang bertajuk “Pembinaan Kerangka Pengurusan Kendiri Bagi Menangani Permasalahan Beban Tugas Guru Melalui Pendekatan Grounded Theory”. Penghargaan khas juga diucapkan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana memberikan sokongan untuk kajian ini.

Rujukan

- Ahmad, H.A., (2009). *Solat dan nilai-nilai spiritual dalam menangani gelisah dalam kalangan remaja Islam: Kajian di Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Selangor*. [Tesis Master, Universiti Malaya, Malaysia]. University of Malaya Student Repository. <http://studentsrepo.um.edu.my/5312/>.
- Ahmad, S., Ahmad, F., Nur, F. S., Amir, I. Z., Nur, A. A., & Nor, H. H. (2022). Exploring teachers' descriptive assessment on competency, experience, and workload on school-based assessment in Selangor. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 12(10). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i10/14985>
- Ahmad, Z., & Rahman, A. (2020). *Collaborative teaching: Enhancing teacher efficacy and reducing workload*. Malaysian Journal of Education.
- Al Ayubi, S. A., Manshor, R., & Md Saad, M. N. (2021). Determinants of psychological work environment among school teachers in Malaysia. *Asian Social Science and Humanities Research Journal (ASHREJ)*, 3(1), 31-41. <https://doi.org/10.37698/ashrej.v3i1.61>
- Ansley, B. M., Houchins, D. E., Varjas, K., Roach, A., Patterson, D., & Hendrick, R. (2021). The impact of an online stress intervention on burnout and teacher efficacy. *Teaching and Teacher Education*, 98, 103251. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2020.103251>
- Antoniou, A. S., Polychroni, F., & Walters, B. (2000). Sources of stress and professional burnout of teachers of special educational needs in Greece. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*.
- Bushra, N. (2023). Pressure and perfectionism: A phenomenological study on parents' and teachers' perceptions of the challenges faced by gifted and talented students in self-contained classes. *Frontiers in Education*. <https://doi.org/10.3389/feduc.2023.1225623>
- Cappe, E., Poirier, N., Engelberg, A., & Boujut, E. (2021). Comparison of teachers in France and in Quebec working with autistic students: Self-efficacy, stress, social support, coping, and burnout. *Teaching and Teacher Education*, 98, 103244. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2020.103244>
- Collie, R. J. (2021). COVID-19 and Teachers' Somatic Burden, Stress, and Emotional Exhaustion: Examining the Role of Principal Leadership and Workplace Buoyancy. *AERA Open*, 7(1), 1–15. <https://doi.org/10.1177/2332858420986187>
- Creswell, J.W. (2003) *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (2nd edition). Sage.
- Herman, K. C., Prewett, S. L., Eddy, C. L., Savala, A., & Reinke, W. M. (2020). Profiles of middle school teacher stress and coping: Concurrent and prospective correlates. *Journal of School Psychology*, 78, 54–68. <https://doi.org/10.1016/j.jsp.2019.11.003>
- Joe, A., & Mtsi, N. (2024). Impact of Teacher Workload on Academic Excellence and Learners' Metacognition: A Case Study of Two High Schools in Chris Hani District. *IntechOpen*. Retrieved from www.intechopen.com
- Joe, A., & Mtsi, N. (2024). *Impact of Teacher Workload on Academic Excellence and Learners' Metacognition: A Case Study of Two High Schools in Chris Hani District*. www.intechopen.com
- Junaidah, Y. (2021). Elements of work environment in the construct of special education teacher workload in Malaysia. 12(11), 5284-5288.
- Junaidi, A., Gurumoorthy, P., Mazni, M., Roslee, T., Rosna, P., Sukuneswari, K., Syd, A.

- A., & Aishah, M. A. (2023). Factors affecting teacher workload in low-enrollment schools: A survey of Sarawak state schools, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(4). <https://doi.org/10.6007/ijarped/v12-i4/19541>
- Kanwal, A., Rafiq, S., & Afzal, A. (2023). Impact Of Workload On Teachers' Efficiency And Their Students' Academic Achievement At The University Level. *Gomal University Journal of Research*, 39(02), 131–146. <https://doi.org/10.51380/gujr-39-02-02>
- Kartika, C., Rokhmaniyah, R., & Wahyudi, W. (2024). Perspectives of students and teachers on continuing professional development: Challenges and obstacles. *Al-Ishlah*, 16(2). <https://doi.org/10.35445/alishlah.v16i2.4572>
- Lee, H. M., Tan, S. M., & Zulkifli, M. A. (2023). Impact of teacher stress on educational outcomes: A Malaysian perspective. *Asian Journal of Educational Research*, 29(2), 105-120.
- Maliki, A., & Mohd Nizam, M. (2022). *Innovative teaching strategies in 21st-century education*. International Journal of Educational Technology.
- Martínez, J. P., Méndez, I., Ruiz-Esteban, C., Fernández-Sogorb, A., & García-Fernández, J. M. (2020). Profiles of Burnout, Coping Strategies and Depressive Symptomatology. *Frontiers in Psychology*, 11. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.00591>
- Md Shah, S., Noranee, S., Abdul Munir, Z., Noranee, S., Shahrudin, S., & Mujanah, S. (2024). The Influence of Work-Life Balance, Workload and Work Environment on Burnout among Teachers in Melaka Tengah District, Malaysia. *Information Management and Business Review*, 16(1), 137–152.
- Mohamed, R., Tan, L. H., & Lim, P. C. (2022). Roles and responsibilities of teachers in managing school tasks. *Malaysian Journal of Teacher Education*, 8(1), 88-104.
- Mokhtar, A., Rahman, N. A., & Ismail, S. (2021). Work-life balance among teachers in Malaysia: Challenges and strategies. *Journal of Southeast Asian Education*, 15(4), 178-191.
- Nor, A., Rahman, H., & Ismail, N. (2022). The impact of frequent policy changes on teacher workload in Malaysia. *Malaysian Education Review*, 12(3), 33-48.
- Norlia, N., & Mastura, M. (2020). *Journal of Counseling and Educational Technology*, 3(1), 23-28. <https://doi.org/10.32698/0891>
- Rahman, S., Hashim, M., & Abdullah, R. (2022). Resource inadequacy and its effects on teaching effectiveness in Malaysian schools. *Journal of Southeast Asian Education*, 14(4), 215-228.
- S., Maile. (2022). Teachers' challenge of using personal expenses to perform the employer's job in selected schools located in Tshwane West District, Gauteng. *Journal of Learning and Educational Policy*, 35-63. <https://doi.org/10.55529/jlep.24.35.53>
- Smith, M., & Bourke, S. (1992). Teacher stress: Examining a model based on context, workload, and satisfaction. *Teaching and Teacher Education*, 8(1), 31–46. [https://doi.org/10.1016/0742-051X\(92\)90038-5](https://doi.org/10.1016/0742-051X(92)90038-5)
- Sokal, L. J., Trudel, L. G. E., & Babb, J. C. (2020). Supporting Teachers in Times of Change: The Job Demands-Resources Model and Teacher Burnout During the COVID-19 Pandemic. *International Journal of Contemporary Education*, 3(2), 67. <https://doi.org/10.11114/ijce.v3i2.4931>
- Sunny, S., Shereen, N., Zarina, A. M., Salina, N., Shafiq, S., & Siti, M. (2024). The influence of work-life balance, workload, and work environment on burnout among teachers in Melaka Tengah District, Malaysia. *Information Management and Business*

Review, 16(1(I)S), 137-152. [https://doi.org/10.22610/imbr.v16i1\(i\)s.3736](https://doi.org/10.22610/imbr.v16i1(i)s.3736)

Tan, H., & Abdul, R. (2021). Effective time management strategies for teachers. *Journal of School Administration*.

Zulkifli, N., Hassan, A., & Ahmad, S. (2022). Teacher well-being and administrative support: A Malaysian study. *International Journal of Educational Development*, 50(1), 89-101.